



UUM/BB45/54/25.10.2021/P:19(1-3)

ARCHIVE UNIT
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

UNIT ARKIB ILMIAH
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SOURCE: SINAR HARIAN
DATE: 23/10/2021
PAGE & COLUMN: P:19 / C:1-3

KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

Rakyat ikut saluran betul terus ditindas

Rasuah berlaku kerana wujud ruang dan peluang

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN

SHAH ALAM

Gejala rasuah boleh berlaku kerana adanya ruang dan peluang yang diwujudkan oleh pemberi dan penerima itu sendiri.

Dekan Pusat Pengajian Undang-undang Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr Rohana Abdul Rahman berkata, jenayah rasuah tidak ada mangsa kerana kedua-dua belah pihak

mendapat habuan atau manfaat daripada perbuatan tersebut.

"Contoh ruang dan peluang yang boleh berlaku adalah seperti penjawat awam yang diberi kuasa untuk memproses dan meluluskan sesuatu dokumen meminta duit kopi atau duit pelincir bagi melancarkan proses kelulusan tersebut.

"Pemberi duit kopi mendapat hasil dokumen lulus segera, manakala si penerima akan dapat imbuhan wang," katanya kepada kru *Rasuah Busters* baru-baru ini.

Rohana menegaskan sekiranya sistem dalam negara



ROHANA

berterusan menggunakan pendekatan *duality* atau dua platform berbeza layanan, maka sampai bila-bila suapan, rasuah dan salah guna kuasa akan terus berlaku.

Jelasnya, secara keseluruhan rakyat akan terus ditindas terutama bagi mereka yang sentiasa bertindak mengikut saluran yang betul berbanding saluran 'istimewa'.

"Contoh seseorang memohon kerja melalui kaedah yang betul atau memperoleh kerja kerana dia merupakan anak saudara kepada ketua jabatan sesebuah jabatan.

"Begitu juga dalam soal mendapatkan tender," ujarnya.